

CABARAN PENDAKWAAN JENAYAH SIHIR DI MAHKAMAH SYARIAH: KAJIAN KHUSUS MENURUT ENAKMEN KANUN JENAYAH SYARIAH (I) NEGERI KELANTAN
CHALLENGES IN PROSECUTING WITCHCRAFT OFFENCES IN THE SYARIAH COURT: A SPECIAL STUDY ACCORDING TO THE SYARIAH CRIMINAL CODE (I) ENACTMENT OF THE STATE OF KELANTAN

i.* Ainnur Sofia Mohd Nor Azman & ii. Mohd Sabree Nasri

ⁱ Pelajar Diploma Amalan Kehakiman dan Guaman Syarie, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

ⁱⁱ Pensyarah, Fakulti Undang-Undang, Governan dan Hubungan Antarabangsa, Universiti Islam Melaka (UNIMEL), 78200, Melaka, Malaysia

*(Corresponding author) e-mail: ainnursofia32@gmail.com

ABSTRACT

This study examines the challenges of prosecuting witchcraft (sihir) offences in the Syariah Courts of Kelantan from both Islamic and contemporary legal perspectives. It is well known that prosecuting witchcraft is difficult due to the absence of physical evidence and its inherently unseen or supernatural nature. As a result, the prosecution of witchcraft cases in the Kelantan Syariah Courts faces significant obstacles in establishing strong and admissible evidence. The objectives of this study are to understand the foundational concept of witchcraft offences in Islam, identify the main challenges in prosecuting such offences, and propose improvements to existing statutory provisions on witchcraft crimes. The research adopts a qualitative methodology, involving data collection through interviews, literature review, and content analysis of Islamic jurisprudence. The findings indicate several major challenges, including the absence of specific provisions on criminal conspiracy, difficulty in proving abetment and identifying the perpetrator, limitations within the legal and judicial system, and the challenge of defining “witchcraft” in a precise and conclusive manner. The study proposes the development of standard guidelines for proving witchcraft offences in the Syariah Courts as well as enhancements to the statutory framework governing such crimes. Recommendations include providing more detailed guidance for hakim syarie when handling witchcraft-related cases. These improvements are expected to enhance the efficiency of the Syariah legal system in Malaysia in addressing witchcraft offences and to deepen the understanding of legal practitioners and the public regarding this issue.

Keywords: *Prosecution Challenges, Witchcraft Offences, Syariah Court, Kelantan, Criminal Conspiracy*

ABSTRAK

Kajian ini meneliti cabaran pendakwaan jenayah sihir di Mahkamah Syariah Kelantan berdasarkan kepada perspektif Islam dan perundangan semasa. Umum mengetahui bahawa, terdapat cabaran dalam pendakwaan jenayah sihir atas faktor ketiadaan bukti fizikal dan ia bersifat ghaib. Pendakwaan jenayah sihir di Mahkamah Syariah Kelantan menghadapi kesukaran dalam mencari bahan bukti yang kukuh. Objektif kajian ini adalah untuk memahami konsep asas jenayah sihir menurut Islam, mengenal pasti cabaran utama dalam pendakwaan jenayah sihir, dan mencadangkan penambahbaikan pada peruntukan statut jenayah sihir. Metodologi kajian menggunakan pendekatan kualitatif, melibatkan pengumpulan data melalui temubual, kajian kepustakaan, dan analisis kandungan (jurisprudens Islam). Hasil kajian menunjukkan cabaran utama termasuk ketiadaan peruntukan khas bagi pakatjahat jenayah, kesukaran membuktikan penyubahat dan penyihir, kekangan dalam sistem perundangan dan kehakiman, serta kesukaran dalam menetapkan definisi 'sihir' yang konklusif. Kajian ini mencadangkan pembinaan garis panduan yang standard bagi pembuktian jenayah sihir di Mahkamah Syariah dan penambahbaikan pada peruntukan statut jenayah sihir. Cadangan termasuk penyediaan panduan terperinci untuk hakim syarie dalam menangani kes-kes jenayah sihir. Dengan penambahbaikan ini, dapat meningkatkan kecekapan sistem perundangan Syariah di Malaysia dalam menangani jenayah sihir serta memberi pemahaman yang lebih mendalam kepada pengamal undang-undang dan masyarakat mengenai isu ini.

Kata Kunci: *Cabaran Pendakwaan, Jenayah Sihir, Mahkamah Syariah, Negeri Kelantan, Pakatjahat Jenayah*

Pendahuluan

Penggunaan ilmu sihir bukanlah suatu perkara yang aneh di dalam norma masyarakat kini. Ianya lama telah dibahaskan dari sejarah tamadun dahulu hingga kini. Sihir ialah perbuatan luar biasa yang sukar difahami manusia dan ianya dilakukan secara tersembunyi (Berita Harian, 2021). Amalan sihir kini awasan sama pengamalannya dengan amalan sihir tamadun awal. Kerana masih terdapat lagi manusia yang mempercayai awasan y tilikan, misalnya tilikan awasan seperti yang dilakukan sewaktu tamadun purba cina. Pengamal sihir kini adalah bersifat global dan wujud dalam semua lapisan masyarakat. Justeru, badan pendakwaan harus menjadi salah satu mekanisme yang menggertak penyihir daripada meneruskan kegiatan serta ketaasuban mereka (Muna Hamzan, 2022).

Seterusnya, di Malaysia juga, isu berkaitan sihir ini masih lagi dibincangkan ianya boleh dilihat melalui Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam kali ke-33 yang mana telah berlangsung lama dahulu pada 1993 (Mahyuddin Ismail, 2014). Kini, bagi seorang pesalah sihir akan dikenakan tindakan undang-undang iaitu dibawah Seksyen 4 Kanun Jenayah Syariah (I) 2019 Negeri Kelantan namun jenayah tersebut masih lagi sukar didakwa. Malah, bagi orang yang menyubahati bagi penyihiran juga tidak dinyatakan secara spesifik (Ku Mu Az, Mohd Norhusairi, Rahmah Safinaz, 2023). Tambahan pula, perkara utama yang menjadi awasan di dalam peruntukan tersebut kerana ketiadaan peruntukan bagi awasan jahat individu-individu yang bersengkongkol di dalam jenayah sihir.

Akhir sekali, sihir ini merupakan jenayah yang sukar dibuktikan kesahihannya yang mana ianya memerlukan pakar bagi mengklasifikasikan kaedah pembuktian bagi jenayah tersebut maka keperluan bagi keparan dan kelayakan untuk menguruskan jenayah ini sangatlah diperlukan. (Mahyuddin Ismail, 2022) Namun, sampai ke hari ini masih tiada pendakwaan awasan kes ini kerana pembuktian di peringkat kajian terlalu rumit dan menyebabkan badan pendakwaan masih belum diwujudkan. Jelaslah, terdapat awasan bagi peruntukan Seksyen 33 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah yang menyentuh berkenaan Keterangan Saksi Pakar. Yang mana, dapat dipastikan bahawa kekurangan bahan terperinci berkaitan kriteria saksi pakar mengikut kepada Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah 2002 (Mohamad Azhan Yahya, Mohamad Muqri Syahiran, Dato Hishamudin, 2023).

Sorotan Literatur

Kajian Mohamad Azhan Yahya (2023) memberi pandangan bahawa tiada akta yang menyatakan secara terperinci berkaitan maksud pakar serta kriteria bagi seseorang digelar pakar di dalam jenayah sihir. Walaupun terdapatnya Seksyen 33 yang menyatakan berkaitan pendapat pakar namun terdapat isu yang timbul mengenai pengkhususan pendapat pakar bagi jenayah sihir. Manakala, mengikut kepada pendapat Dr Mahyuddin Ismail (2022) mengenai kriteria pakar yang mana menyatakan ilmu dan amalan sihir adalah perkara yang sukar difahami. Oleh itu, keterangan daripada seorang pakar dalam bidang tersebut adalah elemen yang sangat penting. Sebagaimana di dalam kes Mustafa Batcha lwn Habeba Abd Rahman [1410] JH 41, Y.A Hakim Mahkamah Rayuan Syariah memanggil dukun yang merawat perayu untuk memberikan keterangan dan diterima pendapat itu sebagai ra'yu khabir. Hal ini jelas menunjukkan, keperluan pakar dalam bidang sihir ini

Seterusnya, mengikut kepada kes Mustafa Batcha lawan Habeba, Yang Amat Arif Hakim Mahkamah Tinggi tidak bersetuju dengan tindakan Yang Arif Hakim Mahkamah Rendah kerana tidak memanggil keterangan pakar yang mampu memberikan hujah bagi kes tersebut. Oleh itu, pentingnya penubuhan organisasi yang bertanggungjawab serta yang mempunyai kepakaran di dalam bidang sihir ini. (Muhyiddin ismail, 2022) Mengikut kepada kajian lepas terdapatnya satu cadangan untuk mewujudkan badan bebas pakar dalam bidang sihir iaitu Jabatan Siasatan Jenayah Sihir dan penubuhan Lembaga Penasihat Khas jabatan tersebut. (Sabree Nasri, 2021) Hakikatnya, terdapat banyak kajian lepas yang mengkaji keperluan berkaitan isu jenayah sihir ini, namun, untuk melaksanakannya agak sukar tetapi tidak mustahil. Oleh itu, dengan adanya cadangan serta pembaharuan maka jenayah ini boleh dibanteras di Malaysia.

Menurut Ku Mu Az, (2023) fenomena perceraian dan pembubaran perkahwinan di Negeri Selangor adalah melibatkan faktor gangguan sihir yang dilakukan oleh pihak ketiga untuk merosakkan rumahtangga atau memecahbelahkan hubungan pasangan yang berkahwin. Walaupun, terdapat usaha penggubalan jenayah sihir namun tiada penggubalan undang-undang bagi perkara tersebut. Menurut Dr Mahyuddin Ismail (2022), beliau mencadangkan untuk memperbaiki dan mengemaskini undang-undang jenayah sihir yang lebih khusus dan relevan untuk menangani isu-isu sihir dalam masyarakat kini.

Seterusnya, mengikut suatu kajian lepas menyatakan bahawa aspek pembuktian elemen sebagai *'burden of proof'* adalah sangat penting bagi kes jenayah. Hal ini kerana tunjang bagi keberhasilan suatu pendakwaan adalah berdasarkan kesempurnaan pembuktian sesuatu bahan bukti. Antara kaedah yang dicadangkan ialah iqrar kerana ianya merupakan pembuktian tahap 'yakin' mengikut kepada aspek perundangan Islam. Kaedah kedua ialah shahadah iaitu kesaksian yang mana mana perlu patuhi syarat saksi iaitu islam, baligh, adil dan ingatan yang baik. Kaedah ketiga, ialah bayyinah iaitu keterangan samaada keterangan lisan ataupun dokumentar bagi seseorang yang tidak layak memberikan kesaksian.

Yang keempat qarinah iaitu fakta berkaitan kes sihir tersebut. Yang terakhir, ialah ra'yu khabir iaitu pendapat pakar yang relevan untuk memberikan justifikasi kepada suatu jenayah sihir tersebut. Misalnya, pakar perubatan, pakar psikiatri, pakar 165awasan165, pakar pengubatan islam dan sebagainya, yang mana pakar-pakar ini akan dikhususkan serta diberi pendedahan berkaitan kes sihir ini. (Sabree Nasri, 2015)

Seksyen 52 Enakmen Kanun Jenayah Syariah (I) 2019 (Negeri Kelantan), diperuntukkan bagi kesalahan 165awasan165 orang yang mengupah sihir. Walaupun kes subahat 165awasan165y seperti Syarie Prosecutor of Selangor v Moktar bin Radin & Ors [2010] memberikan panduan dalam hal subahat, tiada peruntukan yang jelas untuk subahat dalam jenayah sihir (Zahidi bin Muhamad, 2024). Selain itu, tiada peruntukan mengenai pakat jahat dalam Seksyen 52, walaupun Kanun Keseksaan ada memperuntukkan pakat jahat sebagai langkah awal sebelum berlaku subahat. Hal ini menyukarkan pendakwaan untuk membuktikan persetujuan bersama dalam jenayah sihir.

Tambahan pula, mengikut kepada Julian Goodare (2016), kebanyakan sihir, konsepnya adalah melalui persengkongkolan dengan makhluk ghaib iaitu jin atau syaitan. Tujuan persengkongkolan ini adalah bagi memberikan kesengsaraan dalam hidup seseorang supaya menderita atau terseksa. Di Eropah, terdapat ahli sihir yang mengadakan ritual “*sabbats*” yang dikenali sebagai perjumpaan diantara jin dan manusia. Perbuatan tersebut dianggap sebagai satu pengkhianatan kepada agama Kristian dan mereka yang disyaki melakukan ritual tersebut akan dihukum mati.

Di negara tersebut terdapat beberapa individu yang melibatkan diri dalam perkara tersebut dan disebut sebagai *witches’ sabbat* yang mana dipanggil sebagai perhimpunan rahsia ahli sihir. Malah, bagi mengetahui berkenaan Pakatan tersebut memerlukan interogasi secara paksaan. Tambahan pula, perbicaraan jenayah sihir di Eropah kebiasaannya berunsurkan kolektif iaitu tindakan bersama beberapa orang individu dengan penyihir bagi melaksanakan sihir tersebut dengan kerjasama orang lain juga. Jelaslah, melalui kajian tersebut Pakatan jahat jenayah bagi jenayah sihir ini seringkali terjadi malah di Eropah juga terjadi perkara yang sama, namun ketiadaan enakmen berkaitan Pakatan jahat jenayah pada Kanun Jenayah Syariah (I) Negeri Kelantan menyebabkan ketiadaan pertuduhan dapat diambil tindakan kepada pihak-pihak yang melakukan Pakatan tersebut.

Selain itu, melalui kajian Parker & Kaplan (2021) terdapat satu konspirasi di Amerika Syarikat yang mempercayai kewujudan sekumpulan rahsia elit berkaitan pemujaan syaitan, manipulasi politik dan lain-lain. Ianya diberikan nama Qanon dan konspirai itu ditentang oleh Donald Trump supaya dimusnahkan daripada menghancurkan politik dan 166awasa di Amerika Syarikat secara diam. Mengikut kepada kajian tersebut, ideologi Qanon itu mengambil manfaat kepercayaan sihir di negara Afrika dan pandangan ideologi beserta konspirasi itu saling berkait dan mempengaruhi masyarakat. Terutamanya, bagi memecah belahkan 166awasa masyarakat dan jelas menunjukkan peranan sihir dalam organisasi tersebut adalah kuat. Malah, di atas faktor ketiadaan undang-undang khusus mengenai Pakatan jahat bagi sihir maka sesuatu negara itu boleh dimanipulasi bagi tujuan politik.

Mengikut kepada Richard Eves (2013) di dalam penulisan yang bertajuk “*Sorcery and Witchcraft in Papua New Guinea*” yang membincangkan berkaitan sihir, ilmu hitam dan Akta Sihir 1971 di Papua New Guinea. Dapat disimpulkan melalui artikel tersebut bahawa amalan sihir merupakan perkara yang dikaitkan di antara seorang individu dan beberapa individu yang lain. Misalnya, terdapat pihak-pihak yang mengambil bahan peribadi mangsa iaitu kuku, rambut dan pihak yang melaksanakan 166awasan jahat jenayah ini. Jelaslah terdapat tindakan kerjasama dalam amalan sihir. Antara sihir yang terdapat di negara tersebut ialah sihir serangan (*assault sorcery*) dan sihir projektil yang bermaksud menghantar barang tajam kepada pemangsa

Melalui akta tersebut tidak meletakkan secara khusus berkaitan 166awasan jahat bagi jenayah sihir walaupun seperti yang diketahui jenayah sihir ini kebiasaannya melibatkan beberapa individu yang bekerjasama bagi menjayakannya dan terdapat *mastermind* bagi jenayah tersebut. Walaupun, di dalam penulisan yang jelas menunjukkan bahawa terdapat banyak konspirasi dalam menyerang mangsa melalui penyihiran namun undang-undang yang sedia ada lebih tertumpu kepada pelaku sihir tanpa mengambil kira penyertaan individu yang lain dalam jenayah tersebut bagi menjayakannya. Oleh itu, jelaslah, di dalam sesuatu peruntukan keperluan untuk mensabitkan seseorang dengan pakatan jahat sihir adalah diperlukan.

Seterusnya, mengikut kajian Nicholas Herriman (2013), terdapat beberapa perkara yang dibangkitkan antaranya, di beberapa 166awasan Indonesia yang mana kepercayaan kepada sihir bahawa tukang sihir kebiasaannya bersengkongkol dengan pihak-pihak lain bagi menjayakan penyihiran tersebut. Hal ini menjadikan satu ketakutan kepada masyarakat setempat dan membawa kepada tindakan menuduh tanpa asas yang kukuh kepada mereka yang tidak bersalah. Malah mengikut kepada kajian tersebut juga menyatakan cabaran pendakwaan dan pembuktian yang sukar kerana sihir dianggap sebagai suatu yang ghaib dan sukar dibuktikan.

Jadual 1: Jurang Penyelidikan

Kajian Terdahulu	Menfokuskan penggubalan peruntukan enakmen
Kajian Pengkaji	Meminda peruntukan enakmen

Metodologi

Kajian ini menggunakan instrumen utama serta metode kajian kualitatif yang mana ia memberi tumpuan kepada Enakmen Kanun Jenayah Syariah (I) 2019 Negeri Kelantan. Jenayah sihir, yang melibatkan unsur-unsur ghaib dan amalan ritual yang sukar untuk dibuktikan menggunakan kaedah biasa, adalah contoh fenomena yang kompleks yang sesuai untuk kajian dengan pendekatan ini. Kajian ini memberi tumpuan kepada kes atau peristiwa yang berkaitan dengan menggunakan reka bentuk kajian kes untuk memberi gambaran yang lebih jelas dan mendalam tentang isu yang timbul.

Kajian ini menggunakan dua kaedah utama untuk mengumpul data: kajian kepustakaan dan temu bual separa struktur. Bahan-bahan undang-undang, kes-kes undang-undang, jurnal akademik, dan buku-buku ilmiah adalah contoh data sekunder yang boleh digunakan dalam kajian kepustakaan. Dipilih untuk memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang undang-undang sihir dan amalan sihir subahat. Kajian ini menggunakan Enakmen Kanun Jenayah Syariah 2019 (I) Negeri Kelantan, Seksyen 33 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah 2002, dan Kanun Keseksaan. Sumber-sumber ini dikaji untuk mendapatkan pemahaman yang lebih baik tentang peruntukan yang berkaitan dengan jenayah sihir, terutamanya dari segi bukti dan kaedah pendakwaan.

Kajian juga menggunakan pangkalan data undang-undang seperti CLJ Prime, Lexis Nexis, dan Elaw untuk mendapatkan akses kepada kes-kes terdahulu yang menawarkan panduan tentang isu pendakwaan sihir. Selain itu, jurnal-jurnal yang diperoleh daripada pangkalan data seperti Hein Online, Scopus, dan Google Scholar juga digunakan. Jurnal-jurnal ini memberikan perspektif akademik mengenai jenayah sihir dan cabaran yang dihadapi dalam proses mahkamah untuk membuktikan kes sihir. Selain itu, perpustakaan institusi pengajian tinggi seperti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) menyediakan buku akademik yang dirujuk. Buku-buku ini memberikan konteks teori yang mendalam mengenai undang-undang jenayah Islam dan isu pendakwaan jenayah sihir.

Selain itu, kajian ini termasuk temubual separa struktur dengan individu yang terlibat dalam penguatkuasaan undang-undang syariah di Negeri Kelantan, selain daripada kajian kepustakaan. Pegawai yang terlibat dalam pendakwaan dan siasatan jenayah sihir telah ditemu bual untuk mendapatkan pandangan langsung mereka. Puan Rohani Mohd Noor, Penolong Pengarah Kanan Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang Syariah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JHEIK), dan Encik Zahidi bin Muhamad, Pembantu Penguatkuasa Agama di jabatan yang sama, adalah antara individu yang ditemu bual. Mereka memberikan perspektif tentang kesukaran yang timbul dalam membuktikan kes sihir, terutamanya dalam kes di mana bukti fizikal sukar diperoleh. Seorang lagi Pembantu Penguatkuasa Agama, Encik Muhammad bin Hussin, juga ditemu bual untuk berkongsi pengalamannya tentang halangan yang dia hadapi semasa menjalankan siasatan kes sihir. Selain itu, Encik Azizi, seorang Pendakwa di Bahagian Pendakwaan Negeri Kelantan, dan Encik Hariz bin Md Yusof, seorang peguam dan Timbalan Presiden Persatuan Peguam Muslim Malaysia, memberikan komen tentang proses pendakwaan dan tanggungjawab peguam dalam kes sihir.

Oleh itu, perkara tentang sihir, subahat, dan pakat jahat dalam undang-undang syariah, kaedah ini membolehkan kajian untuk menentukan tema utama. Sejauh mana undang-undang yang sedia ada menangani jenayah sihir dan cadangan pembaharuan boleh dikaji melalui analisis kandungan ini. Fokus utama analisis adalah untuk menentukan bagaimana prinsip jurisprudens Islam digunakan dalam pendakwaan jenayah sihir, serta bagaimana elemen *actus reus* dan *mens rea* dalam kes sihir boleh dibuktikan di mahkamah.

Ini menunjukkan bahawa undang-undang yang sedia ada tidak mencukupi untuk menangani isu-isu yang unik yang timbul dalam kes jenayah sihir. Kajian ini juga mencadangkan perubahan kepada undang-undang yang berkaitan dengan subahat dan pakatan jahat dalam sihir, termasuk peraturan yang lebih jelas mengenai pembuktian niat dan perbuatan dalam kes sihir. Termasuk dalam cadangan ini ialah peruntukan yang lebih khusus yang akan membolehkan pihak pendakwaan mengemukakan bukti yang relevan serta meningkatkan keberkesanan proses pendakwaan dalam kes sihir.

Dapatan dan Perbincangan

Memahami Konsep Jenayah Sihir Menurut Islam dan Perundangan

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa sihir dianggap sebagai dosa besar dalam Islam dan boleh dikategorikan sebagai syirik kerana ia melibatkan kerjasama dengan jin atau syaitan untuk melakukan kemudaratan. Dalam Islam, sihir telah lama diiktiraf sebagai jenayah, dan mereka yang melakukannya boleh dikenakan hukuman hudud atau takzir bergantung pada tahap jenayah yang dilakukan. Jika perbuatan sihir itu menyebabkan kecederaan atau kematian, hukuman hudud boleh dikenakan. Jika bukti tidak mencukupi untuk hudud, hukuman takzir boleh dikenakan.

Dari segi undang-undang, Enakmen Kanun Jenayah Syariah (I) 2019 Negeri Kelantan menganggap sihir sebagai jenayah yang serius. Walaupun demikian, undang-undang tersebut masih mempunyai kelemahan apabila ia berkaitan dengan pihak yang meminta sihir. Kelemahan ini menunjukkan bahawa untuk menangani kes jenayah sihir secara menyeluruh, peruntukan undang-undang sedia ada perlu dipertingkatkan.

Perbincangan sihir dianggap sebagai jenayah yang sangat serius dalam Islam. Walau bagaimanapun, sistem undang-undang moden masih tidak mencukupi untuk menangani semua aspek jenayah ini. Ada kemungkinan untuk penambahbaikan dalam undang-undang, terutamanya mengenai kes subahat atau pakatan jahat dalam jenayah sihir. Dengan sistem perundangan yang lebih baik, masyarakat akan dilindungi dan keadilan akan dilaksanakan.

Mengenal Pasti Cabaran Pendakwaan dalam Jenayah Sihir di Negeri Kelantan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pendakwaan jenayah sihir merupakan masalah besar dalam undang-undang Syariah, terutamanya kerana elemen metafizik yang sukar dibuktikan secara konvensional. Oleh kerana kebanyakan kes sihir tidak mempunyai bukti fizikal yang jelas, tuntutan seperti *actus reus* (perbuatan) dan *mens rea* (niat) sukar untuk dibuktikan. Sihir sering melibatkan penggunaan kuasa atau ritual yang tidak boleh dilihat secara langsung. Akibatnya, bukti konvensional seperti saksi mata atau bahan sihir menjadi sukar diperoleh.

Perbincangan daripada perkara tersebut adalah pendekatan yang lebih terperinci dan fleksibel diperlukan untuk membuktikan jenayah sihir. Mahkamah harus mempertimbangkan qarinah dan bayyinah sebagai kaedah pembuktian alternatif dan meminta pakar sihir membantu dalam siasatan dan pendakwaan. Selain itu, peruntukan undang-undang yang lebih khusus diperlukan untuk mendakwa individu yang terlibat dalam pakatan jahat atau subahat untuk memastikan semua individu yang terlibat dalam jenayah ini didakwa.

Cadangan Penambahbaikan Peruntukan Undang-Undang Jenayah Sihir


Kajian menunjukkan bahawa Enakmen Kanun Jenayah Syariah (I) 2019 Kelantan masih mempunyai kelemahan apabila ia berkaitan dengan pihak ketiga yang melakukan jenayah sihir atau terlibat dalam pakatan jahat. Kajian ini bertujuan untuk memperjelaskan undang-undang yang melarang sihir, menambah peruntukan khusus mengenai pakatan jahat, dan memperluaskan definisi jenayah sihir.

Selain itu, keputusan menunjukkan bahawa siasatan akan lebih berkesan jika unit khusus untuk menyiasat kes jenayah sihir ditubuhkan di bawah seliaan PPA dan Jabatan Siasatan Jenayah Sihir. Pakar sihir boleh terlibat dalam prosiding mahkamah untuk meningkatkan pembuktian.


Perbincangan yang diperolehi ialah untuk menangani jenayah sihir secara lebih menyeluruh, penambahbaikan peruntukan undang-undang adalah penting. Kerana jenayah sihir sering melibatkan beberapa orang yang bekerjasama, undang-undang mesti mengambil kira aspek konspirasi. Siasatan dan pendakwaan akan dijalankan dengan lebih cekap dan menyeluruh jika terdapat unit khusus yang dilatih untuk menangani kes sihir.

Dapatan dan Perbincangan Keseluruhan Kajian

CVA is a multivariate statistical method used to find the shape characters that best distinguish between multiple groups of specimens. Figure 7 showed that there was a significant difference between age groups and middle age groups located at the center between young and elders. The Mahalanobis distances showed there was a significant difference in shape between age groups ($p < 0.05$) (Table 9). The Procrustes distances among age groups showed significant differences in mandible size for Procrustes distances among age groups ($p < 0.01$) (Table 10).



Rajah 1: Pindaan bagi peruntukan sihir, pakatjahat jenayah dan subahat



Rajah 2: Penguatkuasaan Unit Khas bagi Jenayah Sihir

Penutup

Secara keseluruhannya, kajian ini telah berjaya menggariskan cabaran-cabaran utama dalam pembuktian jenayah sihir di Mahkamah Syariah, khususnya di Negeri Kelantan. Kajian ini juga telah mencadangkan beberapa langkah penambahbaikan yang boleh membantu dalam memastikan keadilan dapat dicapai bagi kes-kes jenayah sihir. Antara cadangan utama adalah memperkenalkan peruntukan undang-undang yang lebih terperinci, meningkatkan latihan dan pendidikan bagi penguatkuasa agama, serta penglibatan pakar sihir dalam proses perbicaraan.

Penyelidikan ini menunjukkan bahawa pendakwaan jenayah sihir di Kelantan masih menghadapi pelbagai cabaran, terutama dalam aspek pendakwaan. Kekurangan bukti fizikal seperti peralatan sihir, saksi, serta ketiadaan peruntukan jelas mengenai subahat dan pakatjahat jenayah sihir menjadikan proses pendakwaan sukar. Cadangan pindaan pada Seksyen 4 Enakmen Kanun Jenayah Syariah (I)

2019 untuk memasukkan peruntukan lebih spesifik bagi subahat dan pakatjahat jenayah sihir dapat memperkukuh penguatkuasaan dan memudahkan sabitan kesalahan. Selain itu, pembentukan unit khas sihir dalam Jabatan Hal Ehwal Agama juga dicadangkan untuk meningkatkan keberkesanan siasatan dan pendakwaan, terutama dengan kekurangan tenaga kerja sedia ada.

Diharapkan kajian ini dapat menjadi asas bagi penggubalan undang-undang yang lebih kukuh dan relevan dalam menangani cabaran jenayah sihir di Malaysia. Langkah-langkah penambahbaikan ini bukan sahaja akan meningkatkan kecekapan dalam pengendalian kes-kes jenayah sihir, tetapi juga akan memastikan bahawa keadilan sosial dapat ditegakkan dengan lebih berkesan dalam masyarakat. Penyelidikan lebih lanjut dalam bidang ini juga diharapkan dapat memberikan pandangan yang lebih mendalam dan membantu dalam memperbaiki sistem perundangan Syariah di negara ini.

Rujukan

- Al-Zuhayli, W. (1985). *Fiqh al-Islami wa Adillatuhu* (Vol. 5, pp. 345–367). Dar al-Fikr.
- Erna Marsilla. (2021). *Jenayah sihir: Pelaksanaan menurut syarak dan undang-undang* [Tesis]. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Goodare, J. (2016). *Witchcraft and the supernatural*. Taylor & Francis Group.
- Kamali, M. H. (2011). Islam's views on sorcery and black magic. *ICR Journal*, 2(3), 564–565. International Institute of Advanced Islamic Studies (IAIS) Malaysia.
- Ku Mu Az, M., Mohd Norhusairi, & Rahmah Safinaz. (2023). Pembubaran perkahwinan kerana sihir: Kajian di Negeri Selangor. *International Journal of Islamic and Humanities Research*, 3, Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Mahyuddin Ismail. (2014). Keperluan transformasi dalam perundangan syariah bagi menangani kes mal dan jenayah melibatkan ilmu sihir: Satu saranan. *Konvensyen Pegawai Penguatkuasa Agama & Pendakwa Syari'e Malaysia*, 2–11.
- Mahyuddin Ismail. (2022). *Jenayah sihir: Analisis dari sudut perundangan*. Universiti Malaysia Pahang.
- Mahyuddin Ismail. (2022). *Pendakwaan terhadap ahli sihir: Realiti atau fantasi*. Universiti Malaysia Pahang.
- Mahyuddin Ismail. (2022). *Tatacara pengendalian kes sihir di Mahkamah Syariah*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamad Azhan Yahya, Mohamad Muqri Syahiran, & Datuk Hishamudin. (2023). *Qarinah dan sabitan dalam jenayah Islam*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Sabree Nasri. (2015). *Jenayah sihir di Malaysia: Permasalahan dan cadangan pelaksanaan undang-undang*. Jabatan Syariah, Akademi Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Melaka.
- Muna Hamzan, & Mahyuddin Duad. (2022). Konsep sihir menurut Islam dan pengamalannya dalam masyarakat. *International Journal of Al-Quran and Knowledge*, 2(2).
- Herriman, N. (2013). Sorcery, law, and state: Governing the black arts in Indonesia. *Australian Journal of Asian Law*, 13(2), 1–14.
- Parker, & Kaplan. (2021). QAnon and conspiracy theories: Understanding the threat to democracy. *Journal of Political Science*, 15(3), 45–58.
- Eves, R. (2013). *Sorcery and witchcraft in Papua New Guinea: Problems in definition*. Australian National University.
- Syarie Prosecutor of Selangor v. Moktar bin Radin & Ors. [2010] ShLR 148.
- Zahidi bin Muhamad. (2024). Hasil temubual bersama Pembantu Penguatkuasa Agama (Siasatan), Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang Syariah, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan.
- Zahidi bin Muhamad. (2024, Julai 21). Pembantu Penguatkuasa Agama (Siasatan), Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang Syariah, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan.